

9 teras strategik bangun umat Islam

BH - 24/3/2006

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad semalam menggariskan sembilan teras strategik yang perlu dilaksanakan dalam Wawasan 1440 Hijrah Bank Pembangunan Islam (IDB) untuk menangani enam cabaran yang dihadapi umat Islam sekarang.

Bekas Perdana Menteri yang juga Pengerusi Suruhanjaya Wawasan 1440H IDB berkata, sembilan teras berkenaan penting untuk membawa pembangunan negara dan umat pada masa depan.

"Jika kita berjaya, kita sudah mengembalikan maruah dan imej Islam sebagai agama untuk sepanjang masa. Ia juga akan menunjukkan bahawa kegagalan kita selama ini adalah disebabkan kita dan bukannya kerana agama," katanya pada majlis pelancaran Dokumen Wawasan 1440H IDB oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sini, semalam.

Bekas Perdana Menteri berkata, enam cabaran itu adalah cabaran mencapai pembangunan insan sihat, mencapai pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan berkekalan, meningkatkan tadbir urus yang baik, mengukuhkan keamanan dan kestabilan, membentuk identiti dan perasaan yang serupa dengan sesama umat Islam atau ummah, dan memulihkan semula imej agama Islam serta dunia Islam.

Katanya, berdasarkan cabaran itu, suruhanjaya mencadangkan IDB digerakkan berasaskan wawasan pembangunan sejajar dengan ajaran Islam, iaitu tidak terlalu materialistik tetapi mewujudkan kekayaan yang mencukupi, keupayaan teknologi dan perindustrian, serta nilai kekuatan yang meninggikan kedudukan ummah dan agama.

Beliau berkata, walaupun ada negara Islam yang kaya, tiada satu pun yang boleh diklasifikasikan sebagai negara maju.

"Tiada negara Islam menjadi kuasa dunia sejak 1,300 tahun lalu. Hampir semuanya ketinggalan dalam dunia pengetahuan moden, kemahiran kewangan dan teknologi, serta kerajaan yang berkesan," katanya.

Beliau berkata, kemiskinan dan ketidakstabilan menjadi ciri dunia Islam sehingga pengkritik Islam membuat rumusan bahawa ia adalah kesan kerana mengikuti ajaran Islam.

Katanya, tamadun Islam yang tinggi satu ketika dulu tetapi kemudian merosot berpunca apabila umat Islam mula membuat andaian mencari ilmu hanya yang berkaitan Islam semata-mata dan menolak ilmu pengetahuan lain sebagai tidak Islamik.

FAKTA

9 teras strategik Wawasan 1440H IDB

- Mengadakan pembaharuan IDB
- Mengurangkan kemiskinan
- Meningkatkan tahap kesihatan
- Menjadikan pendidikan sebagai universal
- Memakmurkan rakyat
- Merapatkan jurang antara jantina tanpa melanggar ajaran Islam
- Memperluaskan industri kewangan Islam dan kemahiran pengurusan kewangan Islam
- Memudahkan integrasi ekonomi negara anggota IDB
- Mengembalikan imej dunia Islam